



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 31 DISEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	MAFI PERUNTUK DANA RM100 JUTA, NEGERI SEMBILAN/PAHANG, SH -23 MAFI KENAL PASTI JUMLAH KERUGIAN GOLONGAN SASAR TERJEJAS BANJIR, NEGERI SEMBILAN/PAHANG, SH -23 AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES MINISTRY ALLOCATES RM100M TO ASSIST FARMERS AFFECTED BY, NATION, CHINA PRESS -A8 LIVESTOCK FARMERS IN 3 STATES AFFECTED DUE TO FLOODS, NEWS, MAKKAL OSAI -3 RM100 JUTA BANTU SEKTOR AGROMAKANAN, HM -ONLINE DANA RM100J BANTU SEKTOR AGROMAKANAN, NEGARA, KOSMO -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
7.	MADA, PELADANG BANTU MANGSA BANJIR DI PAHANG, MSN -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8. 9. 10. 11. 12. 13.	LEMBU LEMAS, PENTERNAK RUGI BESAR, NEGARA, KOSMO -17 REZEKI BANJIR KELAH MERAH RM3,100, NASIONAL, BH -24 TINGGALKAN KERJA JURUTEKNIK DEMI PERNIAGAAN KELULUT, DALAM NEGERI, UM -32 HARGA BAHAN MENTAH ALAMI KENAIKAN IMPAK BANJIR, MUKA DEPAN, KOSMO -1 BARANG MAHAL, PENGGUNA TERTEKAN, NEGARA, KOSMO -13 'KAMI TIDAK JUAL TELUR, KACANG PANJANG SEBAB MAHAL', NEGARA, KOSMO -13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

31/12/2021

SINAR
HARIANNEGERI
SEMILAN /
PAHANG

23

MAFI peruntuk dana RM100 juta

Bantu ringankan beban pengusaha sektor agromakanan yang terkesan akibat banjir

Oleh NORAFIDAH ASSAN

JELEBU

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan dana sebanyak RM100 juta di bawah Dana Bangkit Semula-Keluarga Agro bagi membantu meringankan beban kumpulan sasaran yang terkesan akibat banjir baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, MAFI mengambil langkah proaktif dengan mengasingkan 30 peratus daripada peruntukan beberapa program dan inisiatif pada tahun depan untuk membantu pengusaha dalam sektor agromakanan yang terjejas banjir.



Ronald (tengah) melawat kawasan Projek Perikanan dan Veterinar di Kampung Chermah dan Kampung Esok pada Khamis.

"Jumlah keseluruhan yang diasingkan di bawah beberapa program dan inisiatif ini adalah sebanyak RM100 juta di mana kita akan memberi keutamaan kepada pengusaha dan golongan sasaran merentasi semua subsektor agromakanan yang terjejas.

"Antara program-program di bawah dana ini merangkumi Geran Agropreneur Muda,

Geran Agropelancongan, Tabung Bencana Agromakanan, Dana Pembiayaan Mudah (Soft Loan) di bawah Agrobank, Geran Pemandanan bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Inisiatif MAFI Prihatin Perniagaan, Program Subsidi Baja Pertanian, Program Ladang Kontrak dan Program Rezeki Tani," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat Projek Perikanan dan Veterinar di Kampung Chennah dan Kampung Esok di sini yang terjejas akibat bencana banjir pada Khamis.

Hadir sama Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Exco Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir.

Dalam pada itu, Ronald berkata, sektor agromakanan juga akan mendapat manfaat daripada Bantuan Banjir Keluarga Malaysia bernilai RM1.4 bilion yang diumumkan oleh Perdana Menteri di mana MAFI akan menyelaras data-data kerugian bagi memastikan mangsa-mangsa banjir di bawah sektor ini mendapat bantuan sewajarnya.

"Jumlah keseluruhan anggaran kerugian melebihi RM63 juta melibatkan lebih 4,700 pengusaha untuk semua subsektor agromakanan termasuk perikanan, akuakultur, penternakan, tanaman dan sebagainya," katanya.

Menurut beliau, MAFI masih dalam proses mendapatkan data-data kerosakan dan kerugian melalui pelbagai jabatan dan agensi.

"Jabatan dan agensi di bawah MAFI akan memastikan semua perusahaan dan perniagaan yang terjejas dibangunkan semula dalam usaha menjamin sekuriti makanan negara yang menjadi keutamaan MAFI," katanya.

MAFI kenal pasti jumlah kerugian golongan sasar terjejas banjir

KUANTAN - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedang menyegerakan penilaian menyeluruh bagi mengenal pasti kerosakan dan jumlah kerugian sebenar golongan sasar dalam menyediakan bantuan sewajarnya.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah memberitahu, kerajaan juga telah memperuntukkan dana berjumlah RM80 juta di bawah Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA).

Menurutnya, ia bertujuan membantu meringankan beban kumpulan sasar yang terkesan bagi menyediakan bantuan sewajarnya termasuk kepada Pertubuhan Peladang di seluruh negara serta ahli-ahli Peladang akibat bencana alam seperti banjir.

"MAFI melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) juga telah menyediakan pelbagai bantuan untuk meringankan beban mangsa banjir.

"Ini termasuk Bantuan Bekalan Makanan yang meliputi



Ahmad (depan dua dari kanan) menyerahkan bantuan kepada ahli terjejas di PPK Temerloh pada Khamis.

bantuan barangan makanan keperluan asas seperti beras, tepung, pulut, biskut, susu, minyak, telur dan sebagainya.

"Bantuan ini telah diserahkan kepada 400 penerima yang juga ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Temerloh yang

terkesan akibat banjir," katanya. Beliau berkata demikian sempena lawatan kerja ke kawasan banjir ahli PPK Temerloh pada Khamis.

Hadir sama, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia, Datuk Azulita Salim.

Sementara itu, Ahmad berkata, gerak kerja sukarelawan turut digerakkan di seluruh negara di bawah semua agensi kementerian terbabit.

"Selain itu, MAFI juga bersedia jika khidmat diperlukan dalam beberapa kawasan anak

MAFI melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) juga telah menyediakan pelbagai bantuan untuk meringankan beban mangsa banjir."

angkat kementerian iaitu di Raub dan Klang," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau turut meninjau kawasan projek yang terkesan dan musnah akibat banjir di bawah seliaan PPK Temerloh iaitu Projek Tanaman Fertigasi, Projek Ternakan Ikan Sangkar, Peladang Outlet (PO) PPK tersebut serta lima buah projek di bawah Jabatan Perikanan Temerloh.

Turut dijalankan, aktiviti gotong-royong membersihkan dua buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Kapor dan SK Kuala Krau dengan kerjasama Pejabat Parlimen Jasin.

Headline	Agriculture and Food Industries Ministry allocates RM100m to assist farmers affected by		
MediaTitle	China Press		
Date	31 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A8	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	305 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,016
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,048



農業與食品工業部 撥1億復興農戶

（芙蓉30日讯）农业与食品工业部将从2022年财政预算案中获得的42亿令吉拨款中，挪出1亿令吉作为农业家庭复兴基金（Agro Family Resurrection Fund），帮助减轻在大水灾中受影响的业者负担。

农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪指出，这笔基金将尽快发放，以帮助受水灾影响的农业及食品工业业者。

他今日到甘榜真纳及甘榜依索巡视受影响的渔业及畜牧业计划后指出，上述1亿令吉拨款将优先帮助受水灾影响的农业食品分支行业业者及目标群

体，包括青年农业企业家、有机农业和农业旅游业等。

“这项措施主要促进农业及食品部目标群体的业务复苏，确保受影响的行业可继续经营，从各个层面加强农业食品价值链。”

他指出，首相宣布的14亿令吉大马一家赈灾援助金中，农业及食品领域也受益其中，农业及食品工业部将收集数据，确保该领域受灾灾民获得应有援助。

“根据我们收集的报告，约有4700名农业及食品分支行业的业者，包括渔业、水产养殖业、畜牧业、种植业等，面对



中面对的损失。
罗南建迪（右3）向畜牧业者了解他们在洪水

超过6300万令吉损失。”

他说，该部目前仍通过各部门及机构收集数据，预计损失金额仍会增加。

他提及农业及食品工业部将确保所有受影响的企业及商业将获得重振，确保国家粮食安全是该部的首要任务。



糧食供應沒短缺

罗南建迪指出，国内没出现粮食供应短缺。

他说，至今为止，国内的粮食供应仍然充足，若出现短缺情况，将准备增加进口配额，尤其是白米。

“迄今为止，农业及食品工业部也正在监督大水灾对白米、蔬菜和肉类供应的影响。”

灾区的黄泥水污染，留下鱼尸。日助灾区的鱼塘被水

Headline	Livestock farmers in 3 states affected due to floods		
MediaTitle	Makkal Osai		
Date	31 Dec 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	28,000
Page No	3	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	281 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,839
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,517



வெள்ளப்பெருக்குக் காரணமாக 3 மாநிலங்களில் கால்நடைப் பண்ணையாளர்கள் பாதிப்பு

ஷா ஆலம், டி.ச. 31-
வெள்ளப் பேரிடர் காரணமாக
சிலாங்கூர் மாநிலத்தில் 160 கால்நடைப்
பண்ணையாளர்களுக்கு 2.1 மில்லியன்
ரிங்கிட் அளவு இழப்பு ஏற்பட்டிருக்கிறது
என்று விவசாயம், உணவுத் தொழில்
துறை அமைச்சர் டத்தோபுட் டாக்டர்
ரொனால்டு கியாண்டி தெரிவித்தார்.
வெள்ளத்தில் சிக்கிக் கொண்ட

மாடுகள், ஆடுகள், கோழிகள், மாளிகள்,
வாத்துகள், பெரிய உடலமைப்பைக்
கொண்ட சாடோக் வகை மாடுகள்,
முயல்கள் ஆகியவை மடிந்துள்ளன.
அதே சமயம் கால்நடைகளுக்கான
உணவுகளின் கையிருப்பும் வெள்ளத்தால்
சேதமடைந்துள்ளது. கால்நடைப்
பண்ணைகளும் தோட்ட உபகரணங்களும்
வெள்ளத்தில் பாதிக்கப்பட்டிருப்பதாக அவர்



சென்னை, பகலம் மாநிலத்திலும் தெகிரி
செம்பிலன் மாநிலத்திலும் முறையே 56
கால்நடைப் பண்ணையாளர்களும் 48
பண்ணையாளர்களும்

பாதிக்கப்பட்டிருக்கின்றனர்.
இவர்களுக்கான சேத மதிப்பு 1.5
மில்லியன் ரிங்கிட் என
மதிப்பிடப்படுகிறது.
புகிட் சங்கம்,
கோலங்காட்டில் வெள்ளத்தால்
பாதிக்கப்பட்ட கால்நடைப்
பண்ணைகளைப் பார்வையிட்ட-
பிறகு அமைச்சர் இதனைத்
தெரிவித்தார்.
பாதிக்கப்பட்டிருப்போருக்கு
உதவ கால்நடைச்
சேவைத்துறை நடவடிக்கை
எடுக்கும் எனவும் அமைச்சர் சென்னை,
மொத்த சேத மதிப்பைக் கண்டறிவதற்கும்
அமைச்சு நடவடிக்கை எடுத்திருக்கிறது
என்று அவர் குறிப்பிட்டார்.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/12/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

RM100 juta bantu sektor agromakanan [METROTV]



Jelebu: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan dana berjumlah RM100 juta di bawah Dana Bangkit Semula Keluarga Agro bagi membantu pengusaha dalam bidang penternakan, perikanan, pertanian dan akuakultur yang terjejas akibat banjir baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, jumlah itu diasingkan daripada peruntukan belanjawan RM4.2 bilion yang akan diterima kementeriannya pada tahun depan.

"Keutamaan bantuan adalah kepada mereka terjejas banjir dan ia sekali gus dapat memastikan industri makanan negara dapat dibangunkan semula.



DATUK Seri Dr. Ronald Kiandee (kanan) ketika melawat ke projek ternakan lembu yang terjejas akibat banjir di Kampung Esok. FOTO Azrul Edham Mohd Aminuddin

"Bantuan bakal diterima berupa peralatan, baik pulih kerosakan, dan ada juga yang akan menerima dana daripada Agro Bank," katanya ditemui selepas meninjau Projek Perikanan dan Veterinar di Kampung Chennah dan Kampung Esok, Jelebu yang terjejas banjir, hari ini.

Hadir sama Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir.

Roland berkata, ketika ini, MAFI masih dalam proses mendapatkan data kerosakan dan kerugian melalui pelbagai jabatan dan agensi yang mana jumlah kerugian ini dijangka meningkat.

"Secara keseluruhannya berdasarkan laporan diterima setakat ini, jumlah keseluruhan anggaran kerugian melebihi RM63 juta membabitkan lebih 4,700 pengusaha untuk semua subsektor agromakanan termasuk perikanan, akuakultur, penternakan dan tanaman," katanya.

Dalam perkembangan lain, Roland berkata, MAFI juga memberi jaminan bekalan makanan tidak akan terjejas, malah kementerian sudah mengimport 30 peratus beras selepas beberapa kawasan tanaman padi musnah akibat banjir.

Katanya, jika perlu, kuota import beras akan ditambah bagi memastikan bekalan mencukupi.

"Kita sedang memantau semua kawasan sawah padi dan industri makanan lain bagi memastikan tiada masalah bekalan makanan berlaku," katanya.



RONALD (dua dari kiri) melihat salah satu kawasan kolam ternakan ikan yang terjejas banjir di Kampung Chennah, Jelebu semalam.

Dana RM100j bantu sektor agromakanan

JELERU – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan dana berjumlah RM100 juta di bawah Dana Bangkit Semula Keluarga Agro bagi membantu pengusaha dalam bidang penternakan, perikanan, pertanian dan akuakultur yang terjejas akibat banjir baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, peruntukan tersebut menerusi Dana Bangkit Semula Keluarga Agro telah diasingkan melalui pelbagai program bagi membantu mereka yang terjejas.

"Jumlah yang telah diasingkan menerusi pelbagai program seperti program usahawan muda ini adalah sebanyak RM100 juta. MAFI juga telah meminta pihak Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) membantu peladang-peladang yang terkesan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke Projek Perikanan dan Veterinar yang terkesan dengan banjir di Kampung Chennah dan Kampung Esok, di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Bakri Sawir.

Sementara itu, menurutnya, setakat ini, jumlah kerugian dan kerosakan melibatkan bidang pertanian dan penternakan di seluruh negara akibat banjir sebanyak RM63 juta.

"Sebanyak RM63 juta kos kerosakan yang dikenal pasti mengikut laporan disediakan. Saya akan terus turun padang melihat sektor agropertanian yang terjejas termasuk penternakan ayam, rusa melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Setakat ini, lebih 4,700 penternak didapati terjejas di seluruh negara akibat banjir yang berlaku," katanya.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan, sekuriti makanan negara dijamin mencukupi meskipun berlakunya bencana itu baru-baru ini.

MAFI juga memberi jaminan bekalan makanan tidak akan terjejas, malah kementerian sudah mengimport 30 peratus beras selepas beberapa kawasan tanaman padi musnah akibat banjir.

"Jika perlu kami akan tambah kuota import bagi memastikan negara tidak mengalami kekurangan beras ketika bencana banjir. Kementerian terus memantau kerosakan yang berlaku di beberapa ladang sawah padi di negara ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/12/2021	MSN	ONLINE	

MADA, peladang bantu mangsa banjir di Pahang



ALOR SETAR - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menggerakkan misi bantuan ke kawasan terjejas di Pahang melalui Program Menyantuni Wira Agro di bawah Program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin bermula pada Rabu.

Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, dalam mendokong Aspirasi Keluarga Malaysia, misi bantuan banjir itu adalah sebagai tanda keprihatinan

warga MADA serta peladangnya kepada penduduk yang terjejas akibat bencana banjir.

Katanya, misi bantuan bencana banjir dilaksanakan selama dua hari itu melibatkan 43 sukarelawan terdiri daripada peladang yang berganding bahu bersama pegawai MADA telah bergotong-royong bagi membantu membersihkan sebuah pusat aktiviti.

"Difahamkan, Pusat Aktiviti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Karak telah ditenggelami banjir hampir tujuh meter, maka pasukan misi bantuan bencana banjir ini dilengkapi dengan peralatan untuk kerja-kerja pembersihan bagi membantu mangsa banjir.

"Dengan tema daripada peladang kepada peladang, MADA turut menyampaikan 100 unit bakul makanan dan 97 karton air minuman MAFI Prihatin kepada Wakil Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bentong untuk diagihkan kepada peladang terjejas dengan kejadian banjir," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Ahmad Tarmizi menjelaskan, misi bantuan bencana banjir ini turut disertai beliau sendiri bersama Pengurus Besar MADA, Kamarudin Dahuli serta Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras PPK MADA, Ishak Taib.

Arus deras sukarkan operasi selamatkan haiwan ternakan, kerugian cecah RM50,000

Lembu lemas, penternak rugi besar

Oleh SITI 'A'SYAH SUKAIMI

KUALA LANGAT - Seorang penternak dari Kampung Rancangan Tanah Belia (RTB) Bukit Changgang di sini terpaksa menanggung kerugian mencecah RM50,000 selepas kandang lembunya di tenggelami banjir dalam kejadian baru-baru ini.

Menurut Shahrizaini Kari-roun, 37, kejadian banjir yang berlaku 18 Disember lalu menyebabkan 10 ekor haiwan ternakannya mati.

Menceritakan ujian yang menimpanya, bapa kepada empat anak itu berkata, dia sempat mengeluarkan separuh daripada 80 ekor lembu miliknya menggunakan lori selain dipindahkan ke kandang milik rakan di Banting.

"Kejadian berlaku pada pukul 5 petang dan air banjir ketika itu sangat laju memasuki kandang ternakan saya. Dalam keadaan kelam kabut, saya gagal menyelamatkan 40 ekor lembu di sebabkan kesukaran untuk memasuki kawasan berkenaan.

"Keesokan harinya, saya minta bantuan penduduk di sini untuk menaiki bot ke kawasan kandang. Sebaik sampai, kuruh hati saya melihat keadaan lembu



SHAHRIZAINI melihat sebahagian lembu yang berjaya diselamatkan selepas kandang ternakannya ditenggelami banjir di RTB Bukit Changgang, Kuala Langat semalam.

yang masih berada di kandang," katanya di sini semalam.

Shahrizaini berkata, lembu-lembu yang tidak dapat diselamatkan itu terendam di dalam

air, manakala kira-kira 20 kambing pula tidak menghadapi masalah berikutan kedudukan kandang yang lebih tinggi.

"Lebih kurang tujuh hari lem-

"Baki lembu yang terendam serta dapat diselamatkan pula mengalami kecederaan seperti kulit mengelupas dan sakit mata," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kos kerugian yang dianggarkan itu turut melibatkan makanan dedaak yang rosak akibat banjir selain mesin pemotong yang perlu dibaiki semula.

"Alhamdulillah, ada hamba Allah sudi membantu dengan membekalkan mesin pemotong. Mesin ini penting untuk memotong kelapa sawit atau tumbuhan bagi makanan haiwan ternakan kerana saya tidak bergantung kepada dedaak sepenuhnya kerana harganya yang mahal.

"Selain itu, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee ada melawat kandang ternakan dan saya luahkan permasalahan dihadapi susulan kejadian ini," ujarnya.

Menurut Shahrizaini, tiga tahun lalu, dia juga pernah berdepan ujian berat apabila kira-kira 150 lembu di kandangnya hilang dicuri pihak tidak bertanggungjawab ketika umat Islam mahu menyambut Aidiladha.

Rezeki banjir kelah merah RM3,100

Nelayan peroleh ikan termahal di pasaran ketika menjaring di Sungai Tanum

Oleh **Roselan Ab Malek**
bhnews@bh.com.my

Lipis: Kata orang tua, rezeki tidak pernah tersalah alamat. Hal ini dialami oleh nelayan Sungai Tanum di Kampung Chegar Perah, dekat sini. Abd Hadi Sulaiman, 47, apabila memperoleh ikan kelah merah atau nama saintifiknya, *Tor putitora*, satu-satunya spesies liar di sungai yang paling mahal di pasaran.

Abd Hadi berkata, banjir yang melanda kampung itu bulan ini membawa tuah di sebalik me-

nanggung kesusahan susulan Sungai Tanum melimpah masuk ke rumah.

Katanya, kesempatan air sungai surut tiga hari lalu, dia memasang jaring sambil berharap pada tuah untuk memperoleh ikan liar.

"Semalam (kelmarin) pada jam 6.30 petang, saya turun memasang jaring di Sungai Tanum berdekatan rumah sambil berdoa ada rezeki ikan liar terperangkap dalam jaring ini.

"Apabila turun ke sungai pada jam 7 pagi tadi (semalam) untuk melihat jaring yang dipasang, saya ternampak jaring bergoyang dengan kuat seolah-olah seekor ikan besar tersangkut di samping menggelepar sehingga air berkocak di permukaan sungai," katanya.

Abd Hadi berkata, sebaik jaring ditarik, dia mendapati ia adalah ikan kelah merah bersaiz besar yang tidak pernah ditangkap sejak menjadi nelayan, 20

tahun lalu.

"Apabila sudah naik ke darat dan dibawa pulang ke rumah, saya terus menimbang ikan ini seberat 12.4 kilogram menyebabkan saya terpegun seketika sambil membayangkan jumlah pendapatan hari ini," katanya.

Katanya ikan kelah merah memang sukar diperolehi kerana berada di hulu sungai dan mungkin ia dihanyutkan arus deras ke sini.

Abd Hadi berkata, dia memperoleh rezeki dianggarkan bernilai RM3,100 berasaskan harga sekilogram ikan kelah merah di pasaran hari ini iaitu RM250 sekilogram.

"Oleh kerana saya sangat perlukan wang selepas musibah banjir untuk perbelanjaan peralatan rumah yang rosak, keperluan dapur dan persiapan persekolahan tahun depan, ikan ini dijual terus kepada pengusaha restoran di bandar Kuala Lipis dengan nilai itu," katanya.



Abd Hadi menunjukkan ikan kelah merah seberat 12.4 kilogram yang diperolehinya ketika menjaring di Sungai Tanum, di Kampung Chegar Perah, semalam.
(Foto Ihsan pembaca)

Tinggalkan kerja juruteknik demi perniagaan kelulut

Oleh MASTURAH SURADI
utusamews@mediamula.com.my

MERSING: Sanggup berhenti kerja sebagai juruteknik di sebuah kilang demi membantu keluarga di kampung, kini seorang pemuda di FELDA Tenggaroh 2 di sini, sudah bergelar usahawan kelulut.

Mohd. Mahat Tumiran, 36, berkata, dia bersama isteri, Norhina Abdul Karim, 36, mula berhijrah kembali ke kampung pada tahun 2013 bagi membantu perusahaan nursei milik keluarga mentuanya.

Katanya, pada peringkat awal terlibat membela kelulut, dia hanya sedar berminat untuk mendapatkan madunya sahaja.

"Semua orang tahu akan khasiat madu kelulut yang bagus untuk kesihatan, sebab itu saya + bela untuk mendapatkan madunya, tambahan pula di tempat nursei ibu mertua ini lokasi sesuai untuk kelulut mendapat-kan makanan.

"Tapi pada 2016 saya mula menjadi pembekal bagi sarang kelulut bermula dengan 15 sarang dan alhamdulillah semakin lama semakin mendapat sambutan daripada pembeli yang kini sudah lebih 140 sarang telah berjaya dijual.

"Saya kemudian menjadi pembekal untuk sekolah-sekolah serta jabatan kerajaan dan kini saya turut mem-



MOHD. MAHAT Tumiran memajukan sarang kelulut yang disediakan untuk tempahan para pembelangnya di FELDA Tenggaroh 2, Mersing, Johor. - **UTUSAN/MASTURAH SURADI**

bealkan sarang kelulut untuk Program Pembangunan Pene-ro-ka (PPP) FELDA," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Bapa kepada tiga orang anak itu berkata, ternakan kelulut kini menjadi 'trend' di kawasan bandar yang mana penduduknya semakin minat membela kelulut di kawasan kediaman masing-masing.

Tambahan pula untuk term-

kan kelulut tidak memerlukan kawasan yang luas kerana kelulut akan terbang sekitar 500 meter sahaja untuk mencari makanan.

Jelas Mohd. Mahat, purata bagi satu sarang kelulut boleh menghasilkan sehingga empat kilogram madu bagi tempoh setahun.

"Penjagaan madu kelulut amat mudah dan tidak cerewet

cuma ia tidak boleh terdedah pada cuaca yang panas. Ternyata ini sesuai bagi mereka yang mahu membuat pendapatan tambahan disamping boleh digunakannya sendiri untuk makanan tambahan kesihatan.

"Selain menjadi pembekal sarang kelulut, kami juga menghasilkan produk hiliran madu kelulut dalam bentuk paket agar mudah diminum," katanya.



Harga bahan mentah alami kenaikan impak banjir

BENCANA banjir yang melanda beberapa negeri mula memberi impak kepada rakyat apabila bekalan bahan mentah seperti ikan, ayam, daging dan sayur-sayuran mengalami kekurangan sekali gus menyebabkan harga barang keperluan harian itu mengalami kenaikan.

Sayur naik harga, minyak masak peket tiada bekalan akibat banjir besar

Barang mahal, pengguna tertekan

Oleh ALWANI ZAFIRAH, ZAKI SALEH, NOOR HASLIZA NUSI, TENGGU DANISH BAHRI TENGGU YUSOFF, NUR ANATI JUHARI dan MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

PETALING JAYA – Bencana banjir yang melanda beberapa negeri mula memberi impak kepada rakyat apabila mereka kini terpaksa membeli barang keperluan harian terutama ikan, ayam, daging dan sayur-sayuran pada harga lebih mahal berbanding biasa.

Kenalkan harga itu antaranya berpunca daripada kekurangan bekalan bahan mentah dan peningkatan kos pengangkutan apabila kebanyakan lori terpaksa melalui jalan alternatif bagi mengelak kawasan yang dinaiki banjir.

Tinjauan Kosmo! mendapati, keadaan itu menyebabkan pengguna tertekan terutamanya di kawasan terjejas bah apabila terpaksa mengeluarkan belanja yang tinggi demi mendapatkan barang keperluan.

Di Selangor, seorang peniaga di Pasar Harian Selayang yang ingin dikenali sebagai Devi, 33, meluahkan keresahannya apabila perlu berdepan dengan masalah bekalan daging yang tidak mencukupi.

"Sekarang bekalan daging lembu dan kambing sangat susah nak dapat kerana tidak ada.

"Kami di sini juga tak boleh nak jual mahal, nanti pelanggan lari, harga daripada pembekal pula sangat mahal dan sentiasa naik setiap hari.

"Kalau dulu, lima tahun sekali baru harga daging naik, tapi sekarang ini setiap hari naik dalam anggaran RM2 hingga RM3," katanya.

Devi memberitahu, masalah bekalan ini telah berlarutan sejak Perintah Kawalan Pergerakan



SEORANG peniaga melayan pelanggannya yang sedang memilih daging di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur semalam.

(PKP) dan apabila negara dilanda banjir baru-baru ini masalah tersebut lebih kritikal.

Di Kuala Terengganu, seorang peniaga, Nor Hazana Harun, 38, mendakwa, antara barangan keperluan yang mengalami kenaikan harga ialah terung, bayam, tomato, salad dan klobis kerana didorong faktor pihak pembekal dari Cameron Highland yang terpaksa melalui jalan lain ketika musim banjir.

"Begitu juga bekalan dari Kelantan dan negara jiran, Thailand, yang turut dilanda bah. Bagaimanapun kenaikan itu tidak begitu mendadak dan saya hanya ambil untung RM1 daripada harga modal bagi setiap jenis



MUHAMMAD SHAH memotong ayam di kedainya di Pasar Besar Alor Setar, semalam.

sayur," katanya.

Dalam pada itu di Kedah, seorang peniaga, Muhammad Shah Rizal, 40, mendedahkan dia hanya mendapat keuntungan RM1 bagi sekilo ayam kerana bahan mentah itu diperolehi pada harga

tinggi daripada pembekal.

"Keuntungan seperti ini agak membebankan bagi menanggung kos lain," katanya ketika ditemui di kedainya di Pasar Besar Alor Setar semalam.

Bagi peniaga runcit, Mohd

Fauzi Sharif, apa yang menjadi masalah adalah bekalan minyak masak peket yang sudah seminggu tidak mendapat bekalan.

"Kami dimaklumkan bekalan akan sampai pada 4 Januari ini dan pengguna sanggup membayar RM2.70 sepeket berbanding RM2.50 untuk mendapatkan minyak tersebut," katanya.

Sementara itu di Perak, seorang suri rumah, Arbakyah Salim, 31, memberitahu, antara sayur yang mahal ialah kacang panjang iaitu RM8 sekilogram berbanding sebelumnya RM7, kacang buncis (RM11, sebelumnya RM9), kangkung (RM5, sebelumnya RM4) dan telur gred C (RM13) sepanan.

"Peniaga memberitahu se-setengah barang dijual mengikut jualan daripada pemborong atau pembekal dan sebagai pengguna kita tidak ada banyak pilihan kerana mahu atau tidak kita memang kena beli," ujarnya.

Bagi seorang peniaga, Mohamad Kamal Jamaluddin, 44, kenalkan harga sayur menyebabkan ada peniaga terpaksa mengurangkan kuantiti bagi mengelakkan pelanggan mengeluh.

"Misalnya dulu RM10 boleh dapat tiga jenis sayuran yang dijual dalam pinggan dengan jumlah agak banyak tapi sekarang harga masih sama cuma kuantiti sedikit," ujarnya.

Sementara itu, Siti Habibah Roslan, 36, meluahkan kekecewaan apabila perbelanjaan mingguan semakin meningkat.

"Mungkin ada bahan yang sudah dikawal harganya seperti ayam sekarang ini RM9.30 sekilogram, tapi ada juga bahan yang lain mahal dan tidak masuk akal.

"Kalau minggu lepas saya beli ikan merah RM28 sekilogram, tapi sekarang sudah RM32, cepat sangat harga naik dan tertekan berbelanja lebih," ujarnya.

'Kami tidak jual telur, kacang panjang sebab mahal'

GEORGE TOWN – Beberapa peruncit dan peniaga di pasar awam negeri ini terpaksa menghentikan sementara penjualan beberapa barangan keperluan yang mengalami kenaikan harga bagi mengelak dikenakan kompaun.

Seorang peniaga sayur, Izam Abd Hamid, 42, berkata, dia tidak menjual sayur kacang kerana mendapat harga daripada pemborong masih tinggi iaitu RM7 sekilogram.

"Harga kacang panjang yang ditetapkan bagi peruncit adalah RM7 sekilogram. Saya langsung tidak memperoleh sebarang ke-

untungan sekiranya terpaksa menjual mengikut harga terbahit," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Izam memberitahu, pihaknya kini turut berdepan dengan ketiadaan bekalan terung bulat sejak dua minggu lalu.

Sementara itu, seorang lagi peruncit, Abdul Rahman Ahmad, 71, pula berkata, dia juga mengambil keputusan untuk tidak menjual telur ayam sejak empat bulan lalu.

"Kenalkan harga telur ayam bagi gred C iaitu 35 sen kepada 40 sen sebilu disifatkan terlalu tinggi dan menghimpit pengguna.

"Saya tidak sanggup menjual barangan keperluan yang mengalami kenaikan harga tertampau sehingga mendatangkan bebanan kepada pelanggan.

"Saya tidak mahu kehilangan pelanggan tetap atas sebab kenaikan harga mendadak bagi satu barangan," jelasnya.

Tinjauan mendapati bekalan ikan kembung berkurangan setakat semalam dan kini dijual pada harga RM12 hingga RM16 sekilogram.

Bagi telur ayam pula, peniaga dilihat menjualnya pada harga 40 sen (gred C), 42 sen (gred B) dan 44 sen (gred A).



PENGGUNA terpaksa menggunakan terung bulat bagi menggantikan terung panjang yang ketiadaan bekalan sejak dua minggu lalu.